



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tandatangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Begitu juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal-soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

Ahmad Ismail, Pudu Road, Kuala Lumpur bertanya:

Seorang perempuan yang mengambil bahagian di dalam peraduan cantik dengan memakai baju mandi yang mengaku ada pengajian agama telah membidas ulama yang menegur cara-cara peraduan itu dijalankan. Ia mengaku berpengajian agama dan nampaknya memandang halal pula perbuatannya kerana, katanya, mengapa tidak perkara-perkara lucu di Batu Road itu dibasmikan sedang mereka yang mengambil bahagian dalam peraduan itu berbuat begitu tidaklah akan merosakkan masyarakat.

Apakah pendapat tuan tentang hal ini?

Jawab: Sebagaimana lazimnya maka peraduan cantik yang diadakan dengan menggunakan baju mandi itu adalah hanya menutup anggota badan di atas perhiasan dadanya dan di antara pinggang dengan lututnya. Selain daripada tempat-tempat yang tersebut adalah terbuka belaka. Melihat kepada keadaan yang serupa ini maka teranglah sudah bahawa anggota-anggota yang terbuka itu ditegah oleh syarak untuk ditunjukkan di hadapan ramai dan juga di hadapan mahram. Keterangan atas tegahan-tegahan ini sangat kuat.

Tuhan telah berfirman (maksudnya): Janganlah mereka

(perempuan-perempuan) itu menampakkan perhiasan mereka melainkan apa yang zahir sahaja, dan hendaklah mereka hulurkan tudung mereka di atas dada mereka. (al-Nūr 31.)

Yakni hujung tudung kepala itu hendaklah belitkan leher dan dihulurkan di atas dada mereka supaya dada itu tertutup. Tubuh badan yang boleh dibukakan sebagaimana yang diluluskan oleh agama ialah: Sabda Rasulullah (SAW) – Maksudnya: Ibnu ‘Abbās telah berkata: Perhiasan yang zahir itu ialah muka, celak mata, bekas inai di tangan dan cincin.”

Selain daripada Ibnu ‘Abbās ada lagi beberapa sahabat yang memaknakan maksud ayat 31 dalam surah al-Nūr itu yang maksudnya: Aisyah berkata: Sesungguhnya Asma binti Abu Bakar telah datang mengadap Nabi (SAW) dengan berpakaian nipis, maka Rasulullah (SAW) bersabda: Hai Asma! Sesungguhnya seorang perempuan apabila cukup umur, tidaklah boleh dilihat melainkan ini dan ini, sambil Rasulullah (SAW) mengisyaratkan kepada muka dan dua tangannya”.

Lebih jelas lagi tafsiran atas keterangan itu firman Allah (maksud-Nya): Zubair janganlah perempuan-perempuan itu menghentak kaki mereka untuk diketahui perhiasan yang tersembunyi pada mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang Mukmin supaya kamu dapat kejayaan.”

Menurut berita akhbar Cik Puan yang telah turut beradu dan mengaku ada didikan agama ada berkata bahawa mereka menunjukkan gaya-gaya itu di dalam rumah (bangunan). Dalam bangunan itu, mereka berjalan dengan bergaya di hadapan khalayak yang ramai – semua mata menumpukan pandangan mereka kepada keadaan serta kecantikan susuk badan mereka yang menarik sama ada kepada yang tertutup atau terbuka. Apakah pandangan agama terhadap tegahan

yang demikian itu?

Firman-Nya (maksud-Nya): “Suruh orang-orang Mukmin lelaki menundukkan pandangan mereka..... dan suruhlah perempuan-perempuan Mukminat menundukkan pandangan mereka.” (al-Nūr 31)

Diriwayatkan (maksud-Nya): Jibril bin Abdullah telah berkata: Saya telah pernah bertanya kepada Rasulullah (SAW) tentang melihat (perempuan) dengan tidak sengaja maka sabdanya: “Palingkanlah pandanganmu”. Sahih riwayat Muslim).

Rasulullah (SAW) bersabda (maksud-Nya): Hai Ali! Janganlah engkau iringkan satu pandangan (kepada perempuan) dengan satu pandangan kerana yang pertama itu tidak menjadi kesalahan, tetapi tidak yang kedua.

Diriwayatkan lagi (maksud-Nya): Ummu Salmah berkata: Saya pernah duduk dekat Rasulullah (SAW) dan di situ ada Maimunah binti al-Harith. Ketika itu datang Ibnu Ummu Maktum – yang demikian itu sesudah kami diperintah berhijab – lalu ia masuk ke rumah kamu, maka sabda Rasulullah (SAW): “Berlindunglah kamu daripadanya”. Kami berkata: Ya Rasulullah bukankah ia itu buta, tidak melihat kepada kami? Rasulullah bersabda: “Apakah kamu berdua buta juga? Bukankah kamu berdua melihat dia?”

Satu hadith lagi ada menyebut bahawa Rasul Allah (SAW) bersabda (maksud-Nya): “Seorang Islam jika melihat keelokan seorang perempuan pada pertama kalinya (yakni dengan tidak sengaja) kemudian ia tundukkan pandangannya maka tak dapat tiada Allah akan adakan baginya satu ibadat yang ia akan rasa manisnya di dalam hatinya”.

Daripada keterangan ini cukup jelas bahawa tidak ada satu pun kelulusan agama yang membolehkan melakukan demikian dan kita pun berasa hairan bagaimana seseorang yang mengaku ada didikan agama boleh membuat

barang yang ditegah begitu kuat oleh syarak. Sesungguhnya yang demikian itu dikesalkan sekali kerana tegahan-tegahan itu dilanggar sendiri – bahkan yang sangat-sangat mendukacitakan bahawa ulama-ulama yang menyampaikan teguran-teguran itu sebagai suatu tugas yang wajib disampaikan oleh mereka, telah dicela, telah dituduh dengan berbagai-bagai tuduhan dan ditambah pula kenapa kepada mereka yang turut beradu memakai demikian sahaja ditegur sedang pelacur-pelacur di Batu Road dan sebagainya tidak ditegah oleh ulama-ulama itu?

Apakah umat menyangkan bahawa ulama itu bertanggungjawab kepada semuanya itu. Apakah kekuasaan ulama terhadap perkara-perkara yang tersebut? Apakah daya ulama itu untuk menyelenggarakannya sekiranya masyarakat sendiri tidak menghargakan hukum-hukum agama? Insafilah bahawa apabila terbit sesuatu perkara maka sepatutnya kita bersyukur kerana ada ulama yang berani menerangkan barang yang hak yang wajib disampaikan supaya umat itu tidak akan menerima bala – atau tersesat daripada panduan agamanya. Hal ini adalah ditujukan mereka semata-mata kepada mereka yang mengaku beragama Islam. Jika mereka bukan daripada orang Islam maka tanggungan mereka tidak ada lagi. Jika orang Islam sendiri melanggarnya maka ulama itu sudah lepas taksir mereka.

Sesungguhnya tidak ada satu perkara yang lebih keji daripada orang-orang kita sendiri menolak akan teguran Tuhan yang disampaikan oleh ulama itu. Ingatlah janganlah kita mencela mereka tetapi perhatikanlah cakupannya dan pendapatnya-fikirkan dengan tenang dan jangan fikiran itu diselaputi oleh hawa yang buas dan bersifat keji.

-sambungannya pada muka 40.